



**BORANG PERMOHONAN
ANUGERAH INOVASI PERKHIDMATAN**

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT ASAS PERMOHONAN

PERKARA	BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON		
NAMA KUMPULAN	KUMPULAN VISIBLE		
TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN	1/1/2024		
NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB	JABATAN PERPUSTAKAAN UTM		
KETUA KUMPULAN	NAMA: HASLINA OTHMAN JAWATAN: Kumpulan A dan JUSA : 41 ke atas NO. PEKERJA: 6774 EMEL: haslinao@utm.my NO. TEL. BIMBIT: 60197291418		
MAKLUMAT AHLI KUMPULAN <i>(senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))</i>	NAMA AHLI KUMPULAN	KOD JAWATAN	NO PEKERJA/MATRIK
	HALIZA ZAINAL	S44	9745
	DR NAZRINDA A SAMAH	S44	9388
	MUHAMMAD AFIQ IZZUDDIN MAT JARI	S41	16165
	MUHAMMAD HAZIM YUSOF	S44	14505
	MOHD AZMI HJ JUFRI	S22	9763
TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN	UTM MOOC LIBRARY SKILLS		

BAHAGIAN 2: KRITERIA RUBRIK

ORIGINALITY / KETULENAN
LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Ketulegenan.pdf
<p>Program Pendidikan Pengguna (PPP) merupakan perkhidmatan teras yang ditawarkan oleh Jabatan Perpustakaan UTM (JPUTM). Bermula dari 2020 program ini diberikan nafas baharu dengan memperkenalkan akses mudah di platform Open Learning UTM Massive Open Online Course (MOOC) dan dikenali sebagai UTM MOOC - Library Skills.</p> <p>Program ini boleh dicapai di URL https://mooc.utm.my/courses/library-skills/</p> <p>Kini UTM MOOC - Library Skills ditawarkan secara terbuka kepada semua pelajar dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa secara percuma. Pada tahun 2023 program ini telah disertai oleh 560 orang pelajar dari dalam dan luar negara. Program ini dapat diakses secara mudah oleh setiap pelajar dan pensijilan digital diberikan oleh UTM MOOC.</p> <p>Teknologi MOOC menggabungkan platform digital dengan prinsip pembelajaran dalam talian yang lancar, terancang, fleksibel dan terbuka secara meluas kepada pelbagai pelajar. Ia menyediakan akses kepada program melalui video kuliah, bahan bacaan, ujian, dan interaksi komuniti dalam talian. Teknologi ini memanfaatkan keupayaan internet untuk menyampaikan pendidikan kepada ribuan pelajar secara serentak, memperluaskan capaian dan impak pendidikan secara global.</p> <p>Isi kandungan program merangkumi 9 video yang berkaitan kemahiran literasi maklumat sejajar dengan modul Program Pendidikan pelajar secara dalam talian yang sentiasa ditambahbaik agar relevan. (Rujuk Lampiran)</p>



Peluang kebolehpasaran modul UTM MOOC - Library Skills dilihat dari aspek perkongsian sumber dan dapatan maklumat bagi menyokong penguasaan literasi maklumat bagi memperkukuh kompetensi pelajar dalam keperluan pendidikan dan penyelidikan secara akses terbuka. Kolaborasi di antara UTM CDEX dan rakan sinergi dalam platform Open Learning dilihat dapat membuka peluang bagi membolehkan modul ini dikomersialkan secara berbayar. Kepentingan perkongsian maklumat sumber akses terbuka menyokong digitalisasi dalam aspek pendidikan kini. Dengan peningkatan kesedaran akan kepentingan kemahiran literasi maklumat dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perniagaan, dan penyelidikan, permintaan terhadap program seperti ini dijangka akan terus meningkat. Dengan kemajuan teknologi dan peningkatan akses kepada pendidikan dalam talian seterusnya dapat membuka ruang penyertaan meluas.

PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Penyataan-Permasalahan.pdf>

PPP merupakan salah satu perkhidmatan teras yang ditawarkan dalam memperkukuh kompetensi pelajar prasiswazah dan pascasiswazah terhadap penguasaan literasi maklumat bagi memenuhi keperluan pendidikan dan penyelidikan di UTM. PPP dilaksanakan secara bersemuka dan mulai Mei 2020 mula diperkenalkan secara dalam talian.

Statistik menunjukkan peningkatan ketara pelajar dalam talian PPP mulai tahun 2020 hingga 2023 dan kepuasan pelanggan PPP secara purata adalah tinggi iaitu 96.35% tahun 2020 diikuti 89.40% tahun 2021, 96.10% tahun 2022 dan 90.10% tahun 2023. (Rujuk Lampiran)

Maklumbalas Kajian kepuasan Pelanggan yang diterima daripada pelajar mencadangkan keperluan modul pembelajaran yang boleh dicapai secara akses terbuka bagi PPP, kandungan modul yang lebih menarik dan interaktif serta dapat menyertai PPP secara fleksibel serta keperluan credentials bagi pengesahan setelah tamat PPP.

2 Masalah kajian dikenalpasti secara top-down melalui penambahbaikan penyampaian perkhidmatan

secara proaktif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perpustakaan UTM Bil.4/2020 bagi PPP. Penilaian dan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan perpustakaan kepada pelanggan dilaksanakan secara berterusan melalui Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan UTM dari aspek pengurusan risiko dan peluang bagi memastikan keberkesanan pengurusan kualiti seperti yang digariskan di dalam Pengurusan Risiko Korporat Jabatan Perpustakaan. (Rujuk Lampiran)

Inovasi melalui proses penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan seperti yang termaktub di Piagam Pelanggan Perpustakaan iaitu memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan serta melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.

Sekiranya penambahbaikan PPP tidak dipertingkatkan perkhidmatan kepada pelanggan akan terjejas dan akan memberi kesan kepada penyampaian kualiti tinggi perkhidmatan Perpustakaan. Ini akan turut memberi kesan kepada inisiatif menyokong Pelan Tindakan 2024: enVision UTM 2025 Perpustakaan melibatkan Future-ready student-oriented library resources and facilities; Strategic Thrust (ST1): World Class Holistic Talents to extend the Frontier of Education and Research ; Strategic Priorities (SP1): Produce holistic talent by developing high quality graduates dan SO3 High Performance Delivery To Support Teaching, Learning & Research.

TECHNOLOGY / TEKNOLOGI

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Teknologi.pdf>

Modul UTM MOOC - Library Skills menggunakan platform MOOC merujuk kepada pendekatan fleksibel dalam pendidikan secara dalam talian yang membenarkan pelajar mengakses sumber, kursus, dan bahan tanpa sekatian seperti lokasi, masa, atau syarat kemasukan secara sendiri dengan kos yang rendah. Ia merupakan kaedah pembelajaran terbuka kepada sesiapa sahaja, di mana-mana, pada bila-bila masa. Manakala, isi kandungan modul pula menggunakan video interaktif untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Video interaktif mengandungi elemen visual seperti grafik, gambar dan animasi untuk meningkatkan pemahaman dan keterlibatan pelajar. Sementara itu, kualiti pengajaran adalah konsisten pada setiap sesi pembelajaran bagi memastikan setiap pelajar menerima maklumat yang seragam dan mudah difahami. Platform MOOC juga menyediakan fungsi interaksi antara pelajar, seperti forum atau sesi perbincangan langsung dengan instruktur atau pelajar lain.

3 Selain itu, satu ciri khas MOOC adalah kemampuan untuk belajar dari mana-mana lokasi yang mempunyai akses internet. Ini membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran mereka di rumah, di tempat kerja, atau di mana sahaja mereka berada. Selain itu, MOOC sering menawarkan pelbagai pilihan kursus dan subjek, membolehkan pelajar menyesuaikan pengalaman pembelajaran mereka dengan minat dan keperluan mereka sendiri. Terdapat juga fleksibiliti untuk belajar pada jadual yang sesuai dengan komitmen dan keperluan peribadi pelajar.

Video interaktif UTM MOOC - Library Skills dilindungi oleh hak cipta yang memainkan peranan penting dalam melindungi hak karya intelektual dan ia perolehi dari MyIPO pada 20/12/2023. (Rujuk Lampiran) Selain melindungi hak pencipta, hak cipta juga penting untuk memastikan integriti karya tersebut dan mencegah penggunaan yang tidak sah atau penyalahgunaan oleh pihak lain. Dengan hak cipta, pencipta dapat memastikan bahawa karya mereka dihargai dan tidak disalahgunakan, serta memastikan bahawa nilai ekonomi karya tersebut dipelihara dengan baik.



	<p>Kesimpulannya, video interaktif di platform akses terbuka adalah kaedah yang berkesan bagi UTM MOOC - Library Skills meningkatkan kualiti pengajaran, keterlibatan pelajar, dan pemahaman mereka terhadap kandungan pembelajaran.</p>
4	<p>APPLICABILITY / APLIKASI</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Aplikasi.pdf</p> <p>Manfaat UTM MOOC - Library Skills kepada sektor pendidikan adalah sangat luas. Ia memberikan akses pendidikan kepada individu yang mungkin terhalang oleh faktor-faktor seperti jarak, masa, atau kewangan. UTM MOOC juga memperkaya pengalaman pembelajaran dengan menyediakan akses kepada pelbagai sumber pembelajaran dan platform yang interaktif. Ini membantu meningkatkan kebolehpercayaan dan keterampilan dalam kalangan pelajar serta membantu dalam pengembangan kemahiran yang relevan dengan keperluan pasaran. Selain itu, ia merangsang inovasi dalam pendidikan dengan menggalakkan penggunaan teknologi dan kaedah pembelajaran yang baharu dan lebih efektif.</p> <p>Proses penyediaan modul di UTM MOOC adalah mudah dengan menggunakan platform yang telah disediakan untuk tujuan tersebut. Ia dilengkapi dengan alat pembinaan kursus yang intuitif yang membolehkan penyusunan kandungan pembelajaran dalam format yang sesuai. Modul dalam format video interaktif juga mudah untuk di muatnaik ke platform ini. Selain itu, terdapat juga sumber panduan yang disediakan oleh platform untuk membantu proses pembinaan modul sehingga ke pensijilan elektronik.</p> <p>UTM MOOC - Library Skills membolehkan pembelajaran pada bila-bila masa dan lokasi yang mempunyai sambungan internet. Ini membolehkan individu menghadiri program mengikut waktu tertentu, membolehkan mereka mengatur jadual pembelajaran mengikut keperluan dan keselesaan mereka sendiri. UTM MOOC - Library skill dikategorikan sebagai pembelajaran Talian Tidak Segerak (Asynchronous) dimana pembelajaran dalam talian yang berlaku bukan pada masa sebenar bagi membentuk satu pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan fleksibel.</p> <p>UTM MOOC - Library Skills ditawarkan secara percuma bagi tujuan untuk membantu individu yang mahu meningkatkan pendidikan mereka tanpa melibatkan sebarang kos serta mengurangkan penggunaan kewangan yang mungkin menghalang akses kepada pendidikan yang berkualiti.</p> <p>Dengan memanfaatkan kelebihan video interaktif di platform akses terbuka ini untuk menyampaikan kemahiran literasi maklumat dan pembelajaran, UTM MOOC - Library Skills berupaya untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik, menarik, dan berkesan kepada pelajar. (Rujuk Lampiran)</p>
5	<p>INNOVATIVENESS / INOVASI</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Inovasi.pdf</p> <p>UTM MOOC Library Skills telah membuka peluang peningkatan amalan kompetensi pustakawan JPUTM. Sebagai fasilitator, pustakawan dikehendaki untuk menguasai kompetensi seperti kemahiran teknologi maklumat, penghasilan kandungan yang interaktif, serta kemahiran penyampaian maklumat yang efektif. Penjimatan kos dan tenaga dapat dilihat melalui pengurangan kebergantungan kepada bahan bercetak, bayaran penceramah luar dan tidak memerlukan tenaga kerja tambahan untuk menyediakan lokasi fizikal. Selain itu, pelajar juga dapat merasai pengalaman baharu sesi pembelajaran dalam talian secara sendiri yang fleksibel di mana pelajar lebih berfokus, berdikari dan mengurus masa dengan lebih terancang.</p> <p>Tahap kesan positif inovasi ini dapat dilihat daripada peningkatan penyertaan pelajar UTM MOOC Library Skills dari 2019 hingga 2024. Pada 2019, seramai 69 pelajar dan 2024 seramai 607 orang pelajar telah mendaftar. Peningkatan sebanyak 779% ini didukung oleh modul yang diterapkan di dalam kursus dan promosi elektronik secara berkala. Pelajar turut memberikan maklumbalas positif hasil penyertaan UTM MOOC Library Skills. (Rujuk Lampiran)</p> <p>Sebanyak 9 kandungan/khusus telah dihasilkan bagi UTM MOOC Library Skills (Rujuk Lampiran)</p> <p>UTM MOOC - Library Skills telah mentransformasi tahap kompetensi literasi maklumat pelajar. Ia membolehkan pelajar untuk mengakses, menilai dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber yang sah. Perbezaan positif utama adalah pelajar kini mempunyai keupayaan untuk mengakses dan menilai maklumat bagi membuat pemilihan dan menyelesaikan masalah secara efektif daripada sumber-sumber yang sah dan boleh dipercayai. Kemahiran ini sangat membantu mereka dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan penulisan akademik.</p> <p>UTM MOOC - Library Skills telah mula digunakan sepenuhnya oleh JPUTM sejak tahun 2020 sehingga kini. Trend ini dilihat mendapat sambutan sangat menggalakkan oleh sektor pendidikan dengan adanya peningkatan jumlah pelajar setiap tahun. Pada peringkat universiti, Garis Panduan Pembelajaran dan Pengajaran Universiti Teknologi Malaysia ini disediakan untuk memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran di UTM adalah efektif, terkini, relevan dan berpanduan kualiti yang ditetapkan oleh standard program dan badan professional yang berkaitan untuk melahirkan graduan yang holistik dan tersedia pada masa hadapan.</p>
6	<p>IMPACT / KESAN</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Kesan.pdf</p>



Impak besar UTM-MOOC Library Skills adalah memberi alternatif kepada pelajar dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran hibrid fleksibel tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat. Pelbagai aktiviti pembelajaran dan pengajaran berasaskan teknologi dapat dilaksanakan secara dalam talian yang sebelum ini terbatas dalam makmal pencarian maklumat JPUTM. Pelaksanaan kursus UTM-MOOC Library Skills merupakan alternatif kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersifat tradisional dan sehalu. Kursus ini juga memberi ruang yang lebih luas kepada pelajar untuk mengakses modul Program Pendidikan pelajar di mana sahaja dan pada bila-bila masa dengan sambungan internet.

Seterusnya, kesan pembelajaran platform Open Learning UTM Massive Open Online Courses (MOOCs) oleh UTM CDex telah menjimatkan kos bagi pembangunan sistem baharu serta berjaya melaksanakan kursus UTM-MOOC Library Skills bagi modul Program Pendidikan pelajar dari secara fizikal kepada kaedah secara dalam talian. Pembelajaran di platform Open Learning UTM MOOCs juga bagi menggantikan sistem Library Service System (LSS) sedia ada yang tidak dapat menampung keperluan fungsi bagi modul Program Pendidikan pelajar secara dalam talian.

Manakala, manfaat UTM-MOOC Library Skills adalah menyediakan platform dan menawarkan aspek perkongsian sumber dan dapatan maklumat bagi menyokong penguasaan literasi maklumat pelajar. Ianya juga membuka peluang bagi membolehkan kursus ini dikomersialkan secara berbayar pada masa hadapan. Kursus ini juga mempunyai kepentingan perkongsian maklumat sumber akses terbuka dalam menyokong digitalisasi dan akses terbuka dalam aspek pendidikan ini. Sehingga tahun 2024, UTM-MOOC Library Skills telah berjaya disertai oleh seramai 631 orang pelajar dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa secara dalam talian.

Contoh/bukti kesan UTM MOOC Library Skills (Rujuk Lampiran).

TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Kerjasama-Pasukan.pdf>

UTM-MOOC Library Skills merupakan kolaborasi projek secara hibrid iaitu sinergi di antara JPUTM di bawah Unit Sokongan Pendidikan Pengguna, Seksyen Penyelidikan (SPY) dan UTM CDex dalam menyediakan satu platform yang menawarkan aspek penguasaan literasi maklumat pelajar. Salah satu fungsi utama SPY adalah melaksanakan PPP bagi pelajar, penyelidik dan staf akademik UTM dan Pustakawan Unit dilantik sebagai penyelaras UTM MOOC Library Skills. (Rujuk Lampiran)

Sinergi ini bermula dengan beberapa siri mesyuarat dan bengkel dalam membincangkan bagi UTM-MOOC Library Skills. (Rujuk Lampiran). Hasil dari sinergi ini juga telah membuka ruang kepada sinergi bersama Fakulti Komputeran UTM. Mulai 21 April 2024, pelajar perlu mengikuti kursus UTM-MOOC Library Skills sebagai keperluan subjek Metodologi Penyelidikan. Langkah serupa akan dilaksanakan oleh fakulti lain pada masa hadapan.

UTM CDEX adalah mentor/fasilitator yang membantu dalam merancang, menyusun dan menghasilkan modul di platform ini.

Pembahagian kerja diserahkan kepada pustakawan dan pembantu pustakawan yang mempunyai kebolehan dalam bidang bagi memastikan setiap cadangan penambahbaikan serta inovasi dilaksanakan secara efisien dan tersusun. Penetapan sasaran bagi KAI Unit ini adalah penambahbaikan kepada PPP telah membantu persefahaman dalam melaksanakan tindakan dalam aspek komunikasi, kolaborasi, dan kerjasama dengan rakan sekerja untuk mencapai matlamat bersama.

JPUTM memberikan sokongan terhadap inovasi dengan menetapkan matlamat, jangka masa, dan sumber yang diperlukan. JPUTM menyediakan tenaga kerja, dan peralatan, serta menguruskan sumber dengan berkesan. Dengan penyelarasan organisasi, projek dapat dijalankan dengan efisien dan menghasilkan hasil yang mengikut perancangan dan sasaran.

Hubungan yang baik dengan rakan kerjasama antara JPUTM dan UTM CDex penting dalam pelaksanaan inovasi melibatkan perkongsian idea, komunikasi terbuka, dan kerjasama dalam pasukan dalam menghasilkan UTM UTM-MOOC Library Skills.

Peranan ahli pasukan Visible dalam menghasilkan dokumentasi kepada keperluan Anugerah Inovasi Perkhidmatan (AIP) 2023 tahun 2024 bagi inovasi UTM MOOC - Library Skills. (Rujuk Lampiran)

POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Kebolehpasaran.pdf>

Segmen pasaran meliputi individu seperti pelajar universiti, profesional, dan individu yang ingin meningkatkan kemahiran literasi maklumat. Institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, dan universiti juga merupakan sasaran utama. Perkembangan dalam skala kebangsaan dan antarabangsa memperlihatkan potensi yang meluas, dengan penawaran program dan pensijilan yang boleh menarik perhatian pelajar dari pelbagai negara.

Selain itu, syarikat-syarikat yang ingin meningkatkan kemahiran penyelidikan dan literasi maklumat dalam organisasi mereka turut merupakan potensi pasaran. Dengan menyasarkan pelbagai segmen ini, UTM MOOC Library Skills dapat memenuhi keperluan pelbagai golongan dengan memberikan nilai tambah yang relevan dalam pembangunan kemahiran literasi maklumat pelajar mencari akses kepada modul pembelajaran yang berstruktur untuk meningkatkan kemahiran literasi maklumat secara efektif. Mereka mengharapkan program yang mudah diakses dan fleksibel, sesuai dengan keperluan



	<p>masa masing-masing. Sokongan teknikal yang mantap juga menjadi keutamaan bagi memastikan pengalaman pembelajaran yang lancar. Dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar,, program ini dapat memenuhi keperluan dan memberikan nilai tambah yang berkekalan serta relevan.</p> <p>Program ini turut memberi impak yang signifikan kepada pelajar dengan meningkatkan kemahiran literasi maklumat mereka, meningkatkan peluang kerjaya, dan meningkatkan daya saing di pasaran global. Program ini berbeza daripada yang lain kerana ia tidak hanya menawarkan pembelajaran asas sendiri dalam talian yang interaktif dan fleksibel, tetapi juga memberikan pensijilan yang diiktiraf industri, meningkatkan relevansi dan nilai yang diberikan kepada pelajar. Program ini dirangka khas untuk memenuhi keperluan semasa dalam kemahiran literasi maklumat yang berkualiti dan kemahiran penyelidikan yang mendalam.</p> <p>Potensi pertumbuhan untuk program ini adalah sangat besar. Dengan permintaan yang meningkat untuk kemahiran literasi maklumat yang berkualiti dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, perniagaan, dan penyelidikan, terdapat peluang yang meluas untuk menarik pelajar baharu. Pertumbuhan dalam trend pembelajaran dalam talian juga memberi sokongan kepada potensi pertumbuhan, dengan lebih ramai individu yang mencari platform pembelajaran yang fleksibel dan mudah diakses.</p>
9	<p>COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/52/Perancangan-Pengkomersilan.pdf</p> <p>UTM MOOC - Library Skills adalah program dalam talian yang ditawarkan kepada pelajar bermula dari 2020 sehingga kini secara percuma. Jabatan Perpustakaan UTM di dalam peringkat perancangan untuk menambahbaik lagi program ini bagi membolehkan ianya ditawarkan kepada pelajar secara Micro Credentials berbayar secara berperingkat. Modul ini menawarkan pensijilan pengiktirafan fizikal (e-certificate) yang mengesahkan penyertaan program. Bermula Januari 2024, peringkat pertama ke arah pengkomersilan adalah untuk mereka bentuk program Library Skills yang komprehensif. Proses yang terlibat adalah memastikan kandungan meliputi pelbagai topik dan kompetensi yang berkaitan dengan literasi maklumat, kemahiran penyelidikan, dan sumber perpustakaan. Seterusnya, memastikan program selaras dengan standard industri dan amalan terbaik agar dapat ditawarkan secara intensif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Matlamat utama perancangan pengkomersilan adalah untuk meningkatkan literasi maklumat yang menawarkan kemahiran pelajar dalam mengakses, menilai, dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber, termasuk perpustakaan, pangkalan data, dan sumber elektronik. Selain itu, turut memperkukuhkan kemahiran penyelidikan dengan membantu pelajar dalam mengembangkan kemahiran mencari, mengumpul, menilai, dan menyusun maklumat untuk tujuan penyelidikan akademik atau profesional. Ini bertujuan bagi pembangunan kemahiran kritikal dengan membantu mereka menilai kebolehpercayaan, relevansi, dan kesahihan maklumat dari pelbagai sumber, serta mengenal pasti bias dan manipulasi. Pemahaman etika penyelidikan dengan membantu pelajar memahami prinsip-prinsip etika penyelidikan, termasuk hak cipta, hak milik intelektual, dan pelajaran sumber dengan adil dan beretika turut diterapkan. Terdapat beberapa risiko kredibiliti dan kualiti akan timbul sekiranya pensijilan tidak memenuhi standard yang ditetapkan oleh industri, majikan, atau pelajar. Ini boleh memberi kesan negatif kepada reputasi program dan menjejaskan kepercayaan pelajar. Selain itu berkemungkinan terdapat penipuan dan plagiat, di mana pelajar cuba untuk memperoleh pensijilan secara tidak jujur, yang boleh merosakkan integriti modul dan menjejaskan nilai sijil yang dikeluarkan.</p> <p>Bukti dan Kanvas Model Perniagaan (Rujuk Lampiran).</p>

BAHAGIAN 3 : ISES ELEMENT / ELEMEN ISES

	<p>INTEGRITY / INTEGRITI</p> <p>LAMPIRAN :</p> <p>UTM-MOOC Library Skills mempunyai standard prosedur kerja pengurusan pengendalian di mana pustakawan yang dipertanggungjawab sebagai koordinator program perlu mempunyai nilai integriti di dalam memastikan penyampaian UTM-MOOC Library Skills diuruskan dengan kredibiliti dan etika yang tinggi untuk memastikan objektif kursus dapat dicapai seperti mana yang ditetapkan. Pustakawan/koordinator juga perlu mematuhi proses maklum balas bagi memantau kualiti dan keberkesanan kursus yang ditawarkan.</p> <p>Keterlibatan secara sinergi antara Jabatan Perpustakaan UTM dan UTM CDex dalam platform Open Learning UTM-MOOC telah digerakkan pada awal 2019. UTM-MOOC Library Skills telah mula dilaksanakan kepada pelajar pada tahun 2020 bagi membolehkan kursus literasi maklumat ini dilaksanakan secara percuma. Di samping itu, kursus ini direka bentuk untuk membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran literasi maklumat.</p> <p>Sehingga tahun 2024, UTM-MOOC Library Skills telah berjaya disertai oleh seramai 631 orang pelajar dari peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat antarabangsa secara percuma. Kecemerlangan ini secara tidak langsung menunjukkan modul Program Pendidikan Pengguna yang disediakan menepati piawai yang ditetapkan serta relevan dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pelajar.</p> <p>Nilai ISES iaitu kelestarian berjaya dilaksanakan melalui inovasi UTM-MOOC Library Skills di mana ianya menjimatkan kos, masa dan pergerakan bagi fasilitator dan pelajar. Perubahan bagi mendapatkan modul secara bercetak tidak lagi digunakan kerana ianya dilaksanakan secara dalam talian. Pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi juga dapat dilaksanakan secara dalam talian yang sebelum ini terbatas dalam makmal pencarian maklumat perpustakaan. UTM-MOOC Library Skills menyediakan peluang kepada pelajar dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat.</p>
1	



Secara keseluruhan UTM-MOOC Library Skills merupakan medium bagi menambahbaik proses kerja mengurus modul Program Pendidikan Pengguna Perpustakaan UTM secara lebih pantas, cekap dan efektif bagi meningkatkan kualiti penyampaian dan perkhidmatan yang tinggi dalam menyokong penguasaan literasi maklumat pelajar mengikut keperluan pengajaran dan pembelajaran semasa dalam bidang pendidikan.

BAHAGIAN 4 : INNOVATION CONTRIBUTION MATRIX / MATRIK SUMBANGAN INOVAS

IMPROVEMENT OF PROCESS / PENAMBAHBAIKAN PROSES	
1	<p>UNIVERSITY LEVEL</p> <p>Inovasi UTM MOOC “ Library Skills merupakan pendekatan fleksibel dalam pendidikan secara dalam talian yang membenarkan pelajar mengakses sumber, kursus, dan bahan tanpa sekatan seperti lokasi, masa, atau syarat kemasukan secara sendiri dengan kos yang rendah. Ia merupakan kaedah pembelajaran terbuka kepada sesiapa sahaja, di mana-mana, pada bila-bila masa.</p>
IMPROVEMENT OF INCOME GENERATION / PENINGKATAN PENDAPATAN	
2	<p>UNIVERSITY LEVEL</p> <p>UTM MOOC - Library Skills adalah program dalam talian yang ditawarkan kepada pelajar secara percuma. Jabatan Perpustakaan UTM di dalam peringkat perancangan untuk menambahbaik lagi program ini bagi membolehkan ianya ditawarkan kepada pelajar secara Micro Credentials berbayar secara berperingkat.</p>
IMPROVEMENT OF WELL- BEING / PENINGKATAN KESEJAHTERAAN	
3	<p>UNIVERSITY LEVEL</p> <p>Nilai ISES iaitu kelestarian berjaya dilaksanakan melalui inovasi UTM-MOOC Library Skills di mana ianya menjimatkan kos, masa dan pergerakan bagi fasilitator dan pelajar. Perubahan bagi mendapatkan modul secara bercetak tidak lagi digunakan kerana ianya dilaksanakan secara dalam talian. Pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi juga dapat dilaksanakan secara dalam talian yang sebelum ini terbatas dalam makmal pencarian maklumat perpustakaan. UTM-MOOC Library Skills menyediakan peluang kepada pelajar dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel tanpa mengambil kira faktor masa dan tempat.</p>
IMPROVEMENT OF SOCIO - ECONOMIC / PENINGKATAN SOSIO EKONOMI	
4	<p>UNIVERSITY LEVEL</p> <p>UTM MOOC - Library Skills telah mentransformasi tahap kompetensi literasi maklumat pelajar. Kemahiran ini sangat membantu mereka dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan penulisan akademik.</p> <p>UTM MOOC - Library Skills telah mula digunakan sepenuhnya oleh JPUTM sejak tahun 2020 sehingga kini. Trend ini dilihat mendapat sambutan sangat mengalakkan oleh sektor pendidikan dengan adanya peningkatan jumlah pelajar setiap tahun.</p> <p>Pada peringkat universiti, Garis Panduan Pembelajaran dan Pengajaran Universiti Teknologi Malaysia ini disediakan untuk memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran di UTM adalah efektif, terkini, relevan dan berpandukan kualiti yang ditetapkan oleh standard program dan badan professional yang berkaitan untuk melahirkan graduan yang holistik dan tersedia pada masa hadapan.</p>

PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN

PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

(Diisi oleh pemilik utama projek)

Nama: Puan Nor Asikin Mohamad

Email: asikin@utm.my

Tandatangan & cop:

(Ketua PTJ)

Tarikh:



**BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI
JABATAN PENDAFTAR**

Edisi: 0
Pindaan: 0
Tarikh kuat kuasa: 01.05.2024

PERAKUAN PERMOHONAN

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

Nama: Haslina Othman
Email: haslinao@utm.my
Tandatangan & cop:
(Ketua Kumpulan)

Tarikh: 4/30/2024